

08 OCT 2000

Hishammuddin-Puteri

PERBEZAAN PENDAPAT TENTANG PUTERI UMNO PERLU DISELESAIKAN

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Pemuda Umno berharap perbezaan pendapat mengenai kedudukan Puteri Umno dapat diselesaikan kerana parti itu perlu diperkukuhkan dengan lebih ramai lagi ahli daripada golongan muda.

"Saya sesungguhnya berharap bahawa melalui saluran yang sedia ada...melalui Jawatankuasa Pengurusan dan juga melalui Majlis Tertinggi, perkara ini dapat diselesaikan dengan cara yang terbaik," kata Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Sokongan golongan muda amat penting kerana Pemuda Umno mendapati 4.7 juta golongan muda di bawah umur 40 tahun tidak menyertai mana-mana persatuan atau parti politik, katanya kepada pemberita selepas mengumumkan mengenai Pesta Sukan Putera Merdeka Kebangsaan anjuran Pemuda Umno yang akan selama tiga hari itu di Kuantan mulai 13 Okt ini.

Pada majlis dialog dengan pelajar Malaysia di Manchester University semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat perbezaan pendapat dalam parti khususnya Wanita Umno berhubung kedudukan Puteri Umno sebagai satu badan politik yang dapat menarik gadis muda Melayu melibatkan diri dalam politik.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata: "Mereka ini harus kita dampingi, sama ada lelaki atau wanita. Yang penting golongan ini golongan sasar."

Katanya Pemuda Umno sentiasa terbuka dalam pendirian untuk mengukuhkan lagi kedudukan parti bagi menyahut cabaran-cabaran masa depan.

Beliau berkata Pemuda kini mempelbagaikan kaedah untuk mendekati golongan muda supaya mereka memahami pergerakan itu dan perjuangan Umno.

-- BERNAMA

GM ES MAI